

SATU KAJIAN KES KE ATAS GEREJA SITIAWAN

WESLEY METHODIST

SINOPSIS

Kajian ini adalah satu  
kes kajian ke atas gereja Wesleyan  
Methodist di Sitiawan, Perak.

Penulis MICHAEL LEE JCHEW CHOY

Malaysia berjaya mendapat pengiktirafan  
perjalanan NO. MATRIK: 57388

Ini telah disentuh sejak lama  
sejak latar belakang sejarah agama  
Methodist. Kemudian sejak lama  
walaupun Methodist ke Sitiawan  
disentuh untuk memberi maklumat  
dan bagaimana agama Methodist  
Methodist ini telah membentuk Sitiawan.  
Struktur organisasi gereja Wesleyan  
berkerja dengan  
jawatankuasa yang telah  
ditetapkan.

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESI 1991/1992

Begala Kasi dan orang-orangnya ke hadirat Tuhan kerana Kasi **SINOPSIS** dia mengatainya waya dapat menyelipkan dia di dalam kubur.

Kajian ini adalah satu kes kajian ke atas gereja Sitiawan Wesley Methodist. Pada awalnya sejarah kemasukan Methodism ke Malaysia berserta dengan struktur perjalanan organisasinya pada hari ini telah disentuh untuk memberi satu latar belakang mengenai gereja Methodist. Kemudian sejarah kemasukan Methodism ke Sitiawan telah disentuh untuk memberi satu gambaran bagaimana agama Kristian mahzab Methodist ini telah bertapak di Sitiawan. Struktur perjalanan organisasi gereja Sitiawan Wesley berserta dengan tugas-tugas jawatankuasanya telah dikaji dan disertakan. Aktiviti-aktiviti gereja Sitiawan Wesley ini juga turut dikaji untuk melihat peranannya sebagai sebuah institusi agama. Perayaan-perayaan yang disambut oleh gereja ini juga telah dilihat untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas mengenai pengikut Kristian mahzab Methodist ini. Kemudian isu penggerakan Karismatik yang kian merebak sejak ia bertapak di Malaysia telah dilihat dan dikaji dari perspektif pengikut Kristian mahzab Methodist serta gereja Sitiawan Wesley Methodist.

KENDUNGAN  
BALAHAN

### Penghargaan.

Segala kemuliaan dan puji-pujian ke hadirat Tuhan kerana kasih karunia dan kekuatanNya saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Saya ingin menyatakan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Raymond Lee, yang banyak bersabar dan meluangkan masa untuk mendengar, membimbing, menasihati dan memberi galakan yang amat bernilai kepada saya.

Kepada Encik Koh Eng Bing, saya ucapkan terima kasih kerana sudi meminjamkan tesisnya kepada saya. Begitu juga dengan Encik Theodore R. Doraisamy selaku pengurus Arkip Methodist Singapura yang telah menolong dalam pencarian dokumen-dokumen yang dikehendaki. Tidak dilupakan jasa Encik Yong Chee Seng selaku pengurus Methodist Education Board yang telah meluangkan masa menolong mencari dokumen-dokumen serta begitu berminal sekali dalam kajian pengkaji.

Terima kasih juga diucapkan kepada Rev. Hwa Chien, paderi gereja Sitiawan Wesley, Rev. Wong Ong Thau, paderi gereja Trinity, Petaling Jaya, Rev. Daniel Lim, Rev. Robert Hunt, pengajar di Seminari Teologi Malaysia, Encik Ling Keng Neo, Encik Tan Yee Ho, Puan Moses Tay, Encik Yong Diong Lee, Encik Nga Hoch Cheh, Rev.T.C.Nga ke atas segala pertolongan mereka.

Penghargaan khas ditujukan kepada Paul yang sudi meminjamkan komputernya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Matthew dan Fong yang telah membacanya serta mencetaknya. Terima kasih juga kepada rakan-rakan lain yang secara langsung atau tidak telah membantu dalam menyiapkan latihan ilmiah ini melalui doa, galakan dan bantuan mereka. Kese-muanya amat saya hargai dan tetap diingati.

Michael Lee Jchew Choy  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur.  
Disember, 1991.

## KANDUNGAN

## HALAMAN

SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBARAJAH	viii
DEDIKASI	ix
Bab 1 Pendahuluan	1
1.1 Tujuan dan bidang kajian.	1
1.2 Tempat kajian.	1
1.3 Kerja lapangan.	2
1.3.1 Tempoh penyelidikan.	2
1.3.2 Metode kajian.	3
1.3.3 Pemerhatian serta ikutserta.	3
1.3.4 Temuramah dengan informan utama.	3
1.3.5 Temuramah biasa.	4
1.3.6 Kajian dokumen dan perpustakaan.	4
1.4 Masalah-masalah semasa menjalankan kajian.	5

3.5.5	Annual Conference.	14
3.5.6	General Conference.	17
<b>Bab 2</b>	<b>Sejarah kemasukan Methodism ke Malaysia serta struktur organisasinya.</b>	<b>7</b>
2.1	Tinjauan ringkas perkembangan agama Kristian sebelum kemasukan Methodism.	7
2.2	Sejarah kemasukan Methodism ke Malaysia.	7
2.3	Struktur perjalanan organisasi Methodist pada hari ini diperingkat nasional.	11
2.3.1	Sarawak Chinese Annual Conference.	11
2.3.2	Sarawak Iban Annual Conference.	12
2.3.3	Chinese Annual Conference.	12
2.3.4	Tamil Annual Conference.	12
2.3.5	Trinity Annual Conference.	12
2.4	Sejarah struktur organisasi Methodist hari ini.	13
2.5	Carta perjalanan organisasi Methodist hari ini.	14
2.5.1	Congregation.	15
2.5.2	Local Church.	15
2.5.3	Local Conference.	15
2.5.4	District Conference.	16

2.5.5	Annual Conference.	16
2.5.6	General Conference.	17
Bab 3	Sejarah kemasukan Methodism ke Sitiawan serta permulaan gereja Sitiawan Wesley Methodist dan struktur organisasinya.	18
3.1	Sejarah kemasukan Methodism ke Sitiawan.	18
3.2	Sejarah permulaan gereja Sitiawan Wesley.	21
3.3	Struktur perjalanan organisasi gereja Sitiawan Wesley.	24
3.3.1	Carta struktur organisasi jawatankuasa gereja.	26
3.4	Kerja-kerja jawatankuasa.	27
3.4.1	Lay Leader / Penolong.	28
3.4.2	L.C.E.C Chairman /Penolong.	28
3.4.3	Setiausaha.	28
3.4.4	Bendahari.	28
3.4.5	Christian Education.	29
3.4.6	Social Concern.	29
3.4.7	Missions.	30
3.4.8	Membership and Evangelism.	30
3.4.9	Worship and Music.	30

	Activiti-aktiviti bulanan.	
3.4.10	Stewardship and Finance.	31
3.4.11	Pastor Parish Relation Committe.	31
3.4.12	Sunday School Superintendent.	31
	Perkembangan Gereja.	
3.5	Perkembangan Gereja.	32
3.5.1	Tahap 1976 - 1980.	32
3.5.2	Tahap 1981 - 1985.	33
3.5.3	Tahap 1986 - 1991.	35
Bab 4	Aktiviti-aktiviti gereja Sitiawan Wesley Methodist.	37
4.1	Aktiviti-aktiviti mingguan yang dijalankan oleh gereja.	37
4.1.1	Morning Watch.	37
4.1.2	Sunday Worship.	37
4.1.3	Sunday School.	38
4.1.4	Baptism and Membership Class.	38
4.1.5	Women's Prayer Fellowship.	38
4.1.6	Prayer Meeting.	39
4.1.7	Care Group Meeting.	39
4.1.8	Methodist Youth Fellowship.	40
4.1.9	Intermediate Methodist Youth Fellowship.	41

4.2	Aktiviti-aktiviti bulanan.	41
4.3	Aktiviti-aktiviti tahunan.	42
4.3.1	Perkhemahan Tahunan Gereja.	42
4.3.2	Perkhemahan Tahunan M.Y.F.	42
4.3.3	Perkhemahan Tahunan I.M.Y.F.	43
4.4	Perayaan-perayaan yang disambut.	43
4.4.1	Easter Day.	44
4.4.2	Christmas Day.	44
4.5	Peranan Gereja.	45
Bab 5	Pengerakan Karismatik (Charismatic Movement).	47
5.1	Pengertian Pengerakan Karismatik.	47
5.2	Pengerakan Karismatik dari sudut pandangan aliran mahzab Methodist.	48
5.3	Kedudukan pengerakan Karismatik dalam gereja Sitiawan Wesley.	50
Bab 6	Kesimpulan.	52
Bibliografi.		54-57
Lampiran.		
	Gambar.	

Senarai Gambarajah:

Halaman

- |  |    |
|--|----|
| 1. Carta perjalanan organisasi Methodist hari ini. | 14 |
| 2. Struktur organisasi jawatankuasa gereja.        | 26 |

DEDICATED TO,

FATHER, MOTHER, LIM & KANG,  
PACIFIC, FOONG & MATTINGLY, CHOO  
AND FRIENDLY FOR THEIR LOVE,  
SUPPORT AND PRAYER.

BY FRIENDS AND ALL WHO HAVE  
HELPED IN ONE WAY OR ANOTHER.

## Bab I

### Pendahuluan

#### Tujuan dan bidang kajian

Kajian ini adalah untuk melihat bagaimana Methodism telah berkembang masuk ke Malaysia. Secudian, menarikkan Methodism ke kawasan Sitiawan iaitu sebab kajian yang dipilih oleh pengkaji akan dibincangkan.

Struktur organisasi gereja Methodist di peringkat Nebenrahan juga akan diperincangkan. Setelah itu, struktur organisasi dan perjalanan gereja Methodist diperinci dan tempat akan diperlihatkan. Selain turpan adalah pada kegiatan-kegiatan gereja di bawah Wesley Methodist untuk memperlihatkan kegiatan sebagai sebuah institusi agama.

Dedication : I am dedicating this thesis to my parents,

FATHER, MOTHER, LIN & SENG,  
RACHEL, FONG & MATTHEW, CHOO  
and EMILY FOR THEIR LOVE,  
SUPPORT and PRAYER.

MY FRIENDS and ALL WHO HAVE  
HELPED IN ONE WAY OR ANOTHER.

#### 1.2 Tempat Kajian

IX

Pengkaji telah memilih tempat asal pengkaji iaitu Sitiawan sebagai tempat kajian. Pengkaji telah berjaya

gereja ini sejak dari kecil sehingga sekarang. Mengandangkan tidak pernah ada kajian seperti halaman ke atas gereja ini, maka pengkaji menangani Bab I Pendahuluan untuk menjelaskan apa kajian kec di gereja Wesley Sitiawan ini.

### 1.1 Tujuan dan bidang kajian

Kajian ini adalah untuk melihat bagaimana Methodism telah berkembang masuk ke Malaysia. Kemudian, kemasukan Methodism ke kawasan Sitiawan iaitu tempat kajian yang dipilih oleh pengkaji akan dibincangkan.

Struktur organisasi gereja Methodist di peringkat kebangsaan juga akan diperbincangkan. Setelah itu, struktur organisasi dan perjalanan gereja Methodist diperangkat tempatan akan diperlihatkan. Di sini tumpuan adalah pada kegiatan-kegiatan gereja Sitiawan Wesley Methodist untuk memperlihatkan kegiatannya sebagai sebuah institusi agama.

Bahagian akhir kajian akan menyentuh tentang Penggerakan Karismatik (Charismatic Movement) yang telah bertapak di Malaysia dan menarik perhatian ramai penganut Kristian, termasuk penganut mahzab Methodism. Perbincangan akan dibuat daripada perspektif pertubuhan Methodist serta pandangan ahli gereja Wesley Sitiawan.

### 1.2 Tempat Kajian

Pengkaji telah memilih tempat asal pengkaji iaitu Sitiawan sebagai tempat kajian. Pengkaji telah bersama

gereja ini sejak dari kecil sehingga sekarang. Memandangkan tidak pernah ada kajian lepas dijalankan ke atas gereja ini, maka pengkaji mengambil kesempatan untuk menjalankan satu kajian kes di gereja Wesley Sitiawan ini.

Pengkaji telah mengenali para penganut gereja ini serta telah mengikuti segala aktivitinya dari masa pengkaji masih seorang budak lagi. Maka tidaklah menjadi masalah yang besar untuk pengkaji mengumpul maklumat mengenai gereja ini.

Secara sepantas lalu, kawasan Sitiawan terletak dalam daerah Manjung di Negeri Perak. Ia merupakan pintu masuk yang ulung ke destinasi pelancongan yang terkenal iaitu Pulau Pangkor.

### 1.3 Kerja Lapangan

#### 1.3.1 Tempoh Penyelidikan

Pengkaji telah memulakan kerja-kerja luar daripada bulan April hingga Jun. Untuk mendapatkan bahan serta maklumat tentang kemasukan Methodism ke Malaysia dan Sitiawan, pengkaji telah pergi ke Arkib Methodist di Singapura pada bulan April.

Selepas Singapura, pengkaji telah memulakan kerja lapangan di Sitiawan. Pengkaji juga sering berulang-alik ke Seminari Teologi Malaysia yang berpusat di Petaling Jaya, Selangor serta ke Lembaga Pendidikan Methodist Malaysia

untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan tambahan.

#### 1.3.2 Metode Kajian

Pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah kajian seperti pemerhatian serta ikutserta, temuramah dengan informan utama, temubual biasa, pemeriksaan ke atas data-data sekunder yang ada serta pengambilan gambar.

#### 1.3.3 Pemerhatian serta ikutserta

Metode ini telah dapat pengkaji gunakan sebab pengkaji telah merupakan seorang ahli gereja ini sejak masih belasan umur lagi. Pengkaji memang telah giat mengikuti segala aktiviti gereja dan faham benar tentang kegiatan tersebut.

Pengkaji telah berkenalan rapat dengan ahli-ahli gereja ini lalu tidak menimbulkan sebarang syak wasangka terhadap pengkaji. Ini telah mempermudahkan lagi kerja lapangan pengkaji.

Malah pengkaji telah menerima galakan daripada anggota-anggota gereja ini sewaktu menjalankan kajian lapangan ini. Segala maklumat telah dapat diperolehi tanpa sebarang kesangsian tentang kebenaran maklumat tersebut.

#### 1.3.4 Temuramah dengan Informan Utama

Informan utama dalam kajian ini adalah paderi yang

sedang berkhidmat sekarang di gereja Wesley Sitiawan serta juga paderi-paderi yang pernah berkhidmat di gereja ini yang masih dapat dihubungi. Anggota-anggota gereja ini yang sudah berusia dan telah lama bersama perkembangan gereja ini juga dikenal pasti sebagai informan utama. Begitu juga dengan setiausaha gereja yang telah lama berkhidmat dengan gereja ini.

Maklumat tentang perkembangan semasa gereja dan struktur organisasi perjalanan struktur institusi Methodist juga telah diperolehi daripada paderi-paderi yang tersebut di atas. Latar belakang serta perkembangan gereja ini telah diperolehi daripada anggota-anggota gereja yang sudah berusia.

#### 1.3.5 Temuramah Biasa

Pengkaji berbual-bual dengan ahli-ahli gereja tentang isu yang menjadi tumpuan pengkaji. Ia dijalankan seakan-akan semasa berbual kosong dan pengkaji akan cuba mengingati sebanyak mana yang boleh dan kemudian akan dicatatkan dalam sebuah buku log kosong yang telah disediakan.

#### 1.3.6 Kajian dokumen dan perpustakaan

Pengkaji telah memperolehi beberapa kajian dari Jabatan Tionghua serta juga dari Jabatan Pengajian Asia

Tenggara, Universiti Malaya dan tempat-tempat lain mengenai penghijrahan kumpulan Kristian Foochow yang membawa masuk agama Kristian Mahzab Methodism ke Sitiawan.

Pembacaan mengenai sejarah kemasukan Methodism telah juga didapati daripada buku-buku yang tercetak, buku-buku latihan ilmiah serta juga laporan-laporan dalam jurnal-jurnal dan dalam artikel-artikel yang tertulis.

#### 1.4 Masalah-masalah semasa menjalankan kajian

Masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji ialah untuk mengesan kembali sejarah perkembangan gereja Wesley Methodist Sitiawan . Ini adalah kerana tiada catatan-catatan tentangnya. Pengkaji terpaksa melalui halaman demi halaman dalam jurnal atau buku tahunan mesyuarat organisasi Methodist atau pun TRAC Annual Journal.

Buku-buku tahunan ini adanya yang telah hilang serta banyak yang berada dalam keadaan yang tidak sesuai untuk dibaca. Pengkaji terpaksa menghubungi beberapa tempat yang berkemungkinan mempunyai salinan tersebut tetapi tidak berjaya. Lalu pengkaji telah terpaksa melawat Arkib Methodist , Singapura untuk memperolehi jurnal-jurnal tersebut sekali lagi pada bulan Ogos.

Journal-jurnal yang lama ini juga telah didapati senang terkoyak dan pengkaji terpaksa berhati-hati mengendalinya semasa mencari bahan dan ini telah memaksa

pengkaji mengambil banyak masa. Kadang-kala ada juga halaman yang dikehendaki telah terkoyak atau telah hilang.

#### Organisasinya.

##### 2.1 Tinjauan ringkas sejarah bangunan agama Kristen sebelum kehadiran Methodist

Roman Catholic (Katholik) telah mulai tiba di Melaka pada tahun 1513 dengan kerusuhan Portugis di Melaka. Itu pun diikuti oleh Reformasi gereja pada 1541 apabila pihak Belanda mengambil alih kuasa pemerintahan di Melaka daripada pihak Portugis.

Itu diikuti pola-macam Protestant Missions yang mulai bertapak di Melaka pada 1815. (Neane, 1935 : 1, 6). Radatangan mereka ini bukan untuk menyebarkan agama Kristen melainkan untuk di sini. Sebenarnya mereka hanya memilih Melaka sebagai bantuan lancaran untuk menasihati Negara China. Negara China pada masa itu yang telah mengenalkan orang tu tu Santo telah menyebarkan Protestant Mission mencari tempat-tempat supaya kira-kira mereka dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Cina serta dicetak. (Neane, 1935 : 2).

##### 2.2 Sejarah kehadiran Methodist ke Melaka

Pada awal tahun 1864, Dr. Thoburn yang sedang berada di India telah mengeluarkan surat surai di dalam

## Bab 2

### Sejarah Kemasukan Methodism ke Malaysia serta Struktur Organisasinya.

#### 2.1 Tinjauan ringkas perkembangan agama Kristian sebelum kemasukan Methodism

Romans Catholics (Katholik) telah mula bertapak di Malaysia pada tahun 1511 dengan kemasukan Portugis di Melaka. Ini pula diikuti oleh Reformed Church pada 1641 apabila pihak Belanda mengambil alih teraju pemerintahan di Melaka daripada pihak Portugis.

Ini diikuti pula oleh Protestant Missions yang mula bertapak di Melaka pada 1815 (Means, 1935 : 8). Kedatangan mereka ini bukannya untuk menyebarkan agama Kristian mazhab mereka di sini. Sebenarnya mereka hanya memilih Melaka sebagai batu loncatan untuk memasuki Negeri China. Negeri China pada masa itu yang telah mengamalkan dasar tutup pintu telah menyebabkan Protestant Mission mencari sebuah tempat supaya kitab mereka dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Cina serta dicetak. (Means , 1935 : 8).

#### 2.2 Sejarah kemasukan Methodism ke Malaysia

Pada awal tahun 1884, Dr. Thoburn yang sedang berada di India telah mengeluarkan satu surat di dalam

Western Christian Advocate untuk mendapat 2 orang sukarela untuk memulakan kerja menyebarkan agama Kristian di Singapura (Thoburn , 1893 : 520 ). Missi mereka adalah untuk menyebarkan agama Kristian kepada orang-orang Eropah dan mereka yang lain yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Kemudian, mereka ingin mendirikan sebuah gereja yang berdikari di sana. Surat Dr. Thoburn ini telah disambut oleh 20 orang pemuda tetapi selepas menjalani satu temubual yang dijalankan oleh Dr. Thoburn sendiri, beliau mendapati tiada seorang pun daripada 20 pemuda tadi yang layak untuk dihantar ke Singapura untuk memulakan kerja di sana (Thoburn , 1893 : 520).

Berikut ini, semasa persidangan Methodist India Selatan yang berlangsung pada 10-15 November, 1884 di Chandarjhat, Nyderabab, isu mengembangkan kerja Methodist ke Singapura telah hangat diperbincangkan. Bishop John H. Hurst yang sedang melawat India pada masa itu juga mempunyai kecenderungan untuk memulakan satu missi Methodist di Singapura (Scott , 1906 : 301).

Maka pada persidangan itu, satu persetujuan telah dicapai pada 25 November, 1884 untuk melantik William F. Oldham untuk menjadi "missionary" (mubaligh) di Singapura (Barclay , 1957 : 650). Ini telah diumumkan oleh Bishop John H. Hurst yang sedang melawat India Selatan ketika itu (Tan , 1964 : 55).

Pelayaran missi ini ke Singapura telah dianggotai oleh Dr. Thoburn, isteri Dr. Thoburn, Encik Oldham dan Cik Batie selaku pemain organ. Mereka telah belayar pada awal 1885 dan tambang pelayaran mereka telah dibiayai oleh gereja-gereja Methodist di Burma (Scott , 1906 : 303). Mereka telah belayar dari Calcutta melalui Rangoon ke Singapura.

Mereka telah disambut oleh Charles Philips semasa tiba di pelabuhan Singapura pada pagi Sabtu 7 Februari, 1885 (Barclay , 1957 : 651). Charles Philips sebenarnya telah menulis surat kepada Dr. Thoburn dua tahun yang lalu untuk menyampaikan hasratnya untuk mempelawa Dr. Thoburn untuk memulakan satu missi di Singapura (Means , 1935 : 15). Charles Philips dalam tidurnya telah bermimpi yang rombongan missi ini akan belayar masuk ke pelabuhan keesokannya lalu telah pergi ke pelabuhan untuk menyambut mereka serta menjadi tuan rumah kepada rombongan missi ini (Scott , 1906 : 304).

Pada keesokannya, kebetulan hari Ahad, satu perjumpaan telah diadakan di Dewan Bandar. Perjumpaan pertama itu telah dicatatkan oleh Oldham sendiri yang berbunyi :-

"Organ yang dibawa bersama itu dibuka bungkusannya dan Cik Batie telah ditugaskan untuk memainkannya. Dr. Thoburn pula duduk di sebuah platform sementara isterinya mengendalikan satu sessi nyanyian. Sementara itu Oldham sendiri pula menjadi "usher" dan membahagikan buku-buku nyanyian. Selepas nyanyian, ceramah dakwah pada hari itu telah dibacakan oleh Dr. Thoburn iaitu "Not by might, nor by power but by my spirit saith the Lord". Kemudian detik yang bersejarah telah berlaku iaitu Dr. Thoburn sendiri telah memberi satu ceramah dakwah Methodist yang pertama dan ulung sekali di Malaysia."

(Barclay , 1957 : 651)

Perjumpaan ini telah dilakukan di hadapan seramai 150 orang yang telah menghadiri perjumpaan pertama mahzab Methodist di Malaysia.

Daripada kumpulan ini, gereja pertama Methodist di Malaysia telah ditubuhkan (Means , 1935 : 19). Ia mempunyai tiga orang yang bertaraf keahlian penuh dan 15 lagi dalam kedudukan "probation" iaitu mereka yang masih lagi mengikuti kelas keahlian. Paderi yang pertama telah dilantik iaitu William F. Oldham dan dia dibayar gaji sebanyak \$700.00 setahun (Means , 1935 : 19).

Sekeping tanah telah diberikan oleh Majlis Perbandaran dan dengan usaha gigih Encik Polglase yang bekerja di Majlis Perbandaran, sebuah gereja telah

didirikan (Barclay , 1957 : 651). Pada akhir tahun 1885, gereja Methodist yang pertama di Malaysia telah berjaya didirikan di Coleman Street (Means , 1935 : 21). Maka bermulalah era Methodism di Malaysia sehingga ke hari ini.

### 2.3 Struktur Perjalanan Organisasi Methodist Pada Hari Ini Di Peringkat Nasional

Struktur perjalanan organisasi gereja Methodist pada hari ini telah dibahagikan kepada kumpulan iaitu berpandukan kepada bahasa yang digunakan. Kelima-lima kumpulan tersebut adalah terdiri daripada :

- 1) Sarawak Chinese Annual Conference
- 2) Sarawak Iban Annual Conference
- 3) Chinese Annual Conference
- 4) Tamil Annual Conference
- 5) Trinity Annual Conference (TRAC)

#### 2.3.1 Sarawak Chinese Annual Conference

Ia telah ditubuhkan pada 1964. Ini adalah supaya kerja-kerja penyelarasan dapat dijalankan dengan lebih berkesan di kalangan penganut Cina di Sarawak. Ia hanya ada kena-mengena dan menyelaras perjalanan gereja yang menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa penghantarnya. Pada tahun 1990 ia telah menaja Sabah Mission Conference. Ia adalah satu pertubuhan untuk menjalankan pentadbiran gereja-

gereja di Sabah. adalah untuk menyelaraskan pentadbiran penyelaraan agama Kristian serta pentadbiran gereja-gereja

#### 2.3.2 Sarawak Iban Annual Conference

Ia juga telah bermula pada tahun 1964. Ia juga bertujuan untuk menyelaras kerja-kerja di kalangan gereja bangsa Iban ini dengan lebih berkesan.

#### 2.3.3 Chinese Annual Conference

Ia telah ditubuhkan pada 1936 dengan tujuan untuk menyelaras kerja-kerja gereja Methodist yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa penghantarnya. Ia bertanggungjawab menjaga dan menyelaras perjalanan gereja Methodist Cina di seluruh Semenanjung Malaysia.

#### 2.3.4 Tamil Annual Conference

Ia telah ditubuhkan pada 1968. Tujuannya juga sama iaitu untuk menjalankan penyelaras yang lebih berkesan di kalangan gereja Tamil Methodist yang ada di Semenanjung Malaysia ini.

#### 2.3.5 Trinity Annual Conference


Ia telah ditubuhkan pada 1968. Ini adalah bertujuan untuk menjaga dan menyelaras perjalanan gereja Inggeris Methodist di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1990 ia telah menaja Sengoi Mission Conference yang mana

pertubuhan ini adalah untuk menyelaraskan pentadbiran penyebaran agama kristian serta pentadbiran gereja-gereja orang-orang Sengoi.

#### 2.4 Sejarah Struktur Organisasi Methodist Hari Ini

Pada 1889, perjalanan urusan Methodist di Singapura telah diletak sepenuhnya di bawah penyelarasan mereka sendiri. Sebelum ini, ia berada dibawah penyelarasan gereja Methodist di India. Satu jawatankuasa yang berasingan daripada yang di Calcutta telah dilantik. Pada 15 Ogos, 1968, gereja Methodist di Malaysia dan Singapura telah diberi autonomi sendiri oleh United Methodist Church, USA yang menyelaras segala perjalanan urusan rasmi Methodist Church di sini.

Kemudian pada tahun 1976, perjalanan urusan rasmi gereja Methodist di Malaysia dan Singapura telah dipisahkan untuk memudahkan pengendalian urusan gereja dikedua-dua buah negara ini. Gereja di kedua-dua tempat ini telah lama bersatu sebagai satu badan sejak kemasukan Methodism ke Malaysia. Maka Gereja Methodist Malaysia mempunyai perjalanan urusannya sendiri mulai 4 Disember, 1976.



### **2.5.1      Congregation**

Ia terdiri daripada ahli-ahli gereja Methodist. Keahliannya adalah tidak terhad dari segi hak minimum maupun hak maksimanya.

### **2.5.2      Local Church**

Ia adalah terdiri daripada congregation yang diatas. Tetapi untuk menjadi sebuah local church, ia mesti mempunyai sekurang-kurangnya 35 orang atau lebih. Ia mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada seorang District Superintendent sebelum menjadi sebuah local conference. Ia akan diketuai oleh seorang paderi atau seorang "layman".

### **2.5.3      Local Conference**

Pada konteknya, ia adalah terdiri daripada sebuah local church dan apabila ia dipengerusikan oleh District Superintendent, ia dinamakan Local Conference. District Superintendent akan mempengerusikan mesyuarat yang berlangsung sebanyak dua kali setahun. Mesyuarat pertama ialah pada awal tahun untuk membincangkan tentang rancangan local church ini. Mesyuarat kali kedua pula iaitu pada akhir tahun adalah untuk melihat keputusan rancangan-rancangan yang telah dirancang di awal tahun tadi.

2.5.4

District Conference

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh District Superintendent. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil dari setiap local church. District Conference ini juga akan berjumpa dua kali setahun iaitu pada awal tahun untuk merancang program-program yang hendak diadakan. Pada masa ini juga akan dibincangkan segala ketidakpuasan yang mungkin timbul serta juga untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang telah timbul di mana-mana gereja dalam daerah tersebut. Mesyuarat pada akhir tahun pula ialah untuk melihat sejauh mana perlaksanaan dan keberkesanan rancangan-rancangan yang telah dirancangkan untuk tahun itu.

2.5.5

Annual Conference

Mesyuarat tahunan ini akan dipengerusikan oleh seorang Presiden. Annual Conference dibahagikan kepada lima kumpulan berdasarkan bahasa pengantar, begitu juga dengan perjalanan district dan local conference dan juga local church tadi.

Lima kumpulan itu terdiri daripada :-

- 1) Sarawak Chinese Annual Conference
- 2) Sarawak Iban Annual Conference
- 3) Chinese Annual Conference
- 4) Tamil Annual Conference
- 5) Trinity Annual Conference

Dalam mesyuarat Annual Conference ini, setiap local church akan diwakili dalam mesyuarat ini. Annual Conference ini bertemu sekali setahun untuk membincangkan sebarang perkembangan serta menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Seorang District Superintendent akan dilantik untuk menjaga hal ehwal perjalanan gereja-gereja Methodist didalam daerah yang telah dibahagikan oleh pihak yang berkuasa dalam Annual Conference ini.

#### 2.5.6 General Conference

Mesyuarat ini hanya diadakan sekali dalam 4 tahun. Ia akan dipengerusikan oleh seorang Bishop. Ia akan mempunyai 14 perwakilan yang dilantik dari Annual Conference tadi. 14 perwakilan ini terdiri daripada tujuh orang paderi dan tujuh lagi "layman". Ia adalah majlis yang tertinggi dalam struktur organisasi gereja Methodist hari ini. Di sinilah segala peraturan untuk gereja Methodist digubal.

Dr. H.L.E Luering telah dibantu oleh Paderi Jing Ching Ni yang sedang ber Bab 3 sebagai paderi di sebuah Sejarah Kemasukan Methodism ke Sitiawan serta Permulaan Gereja Sitiawan Wesley Methodist dan Struktur Perjalanan dipilih setelah melihat Organisasinya.

### 3.1 Sejarah Kemasukan Methodism ke Sitiawan.

Kemasukan Methodism ke Sitiawan telah bermula pada tahun 1903. Pada 18hb. Januari, 1903, G.T.Hare, Setiausaha Urusan China untuk negeri-negeri Melayu Bersekutu telah mencadangkan kepada kerajaan Perak supaya mengimpor keluarga-keluarga petani dari China untuk menjalankan aktiviti pertanian di negeri tersebut(Koh , 1989 : 59). G. T. Hare juga telah mencadangkan supaya ia diuruskan oleh sebuah persatuan agama lalu American Methodist Episcopal Mission telah dipilih(Koh , 1989 : 59). Ia adalah kerana misi ini telah lama bergiat menyebarkan agama Kristian mahzab Methodist di Foochow.

Dr. H.L.E Luering telah dipilih sebagai wakil untuk persatuan agama American Methodist Episcopal Mission. Pada 7hb. Mei, 1903 satu perjanjian telah ditandatangani di antara kerajaan Perak dengan Methodist Episcopal Mission, Malaysia. Kerajaan negeri Perak telah diwakili oleh Acting Resident A.R. Venning sementara Foo Choo Chan seorang pengusaha lombong bijih yang kaya menjadi penjamin.

Dr. H.L.E Luering telah dibantu oleh Paderi Ling Ching Mi yang sedang bertugas sebagai paderi di sebuah gereja Cina di Kampar. Beliau dan Dr. Luering telah berlepas ke kawasan Foochow, China. Kawasan Foochow, China telah dipilih setelah melihat kejayaan penempatan kumpulan pertama orang-orang Foochow ini di Sibu, Sarawak pada 1901.

Dr. Luering dan Paderi Ling Ching Mi telah berlepas dari Ipoh ke Singapura pada Mei 14, kemudian berlepas ke Negeri China dari Singapura pada Mei 26. Mereka telah berjaya tiba di Foochow pada 6 Jun. Bilangan orang yang sepatutnya dikumpulkan adalah seramai 1000 orang menurut perjanjian yang telah ditandatangani berserta dengan syarat bahawa mereka mestilah beragama Kristian.

Maka sebanyak 3 1/2 bulan telah dihabiskan untuk mengumpulkan seramai 1000 orang ini. Pelbagai masalah telah timbul seperti , mereka ini telah banyak berhutang dan tidak mempunyai wang untuk membayar balik lalu terikat dengan si peminjam. Sementara itu sepucuk surat layang telah tiba dari Singapura yang mengatakan kawasan Sitiawan ini mempunyai banyak harimau ,cacing-cacing besar yang boleh mendatangkan maut dan juga ada semut yang seberatnya 24 kati seekor (Koh , 1989 : 65).

Semua orang yang dikumpulkan ini merupakan penganut agama Kristian sebab ia merupakan salah satu syarat perjanjian tadi. Walau bagaimanapun daripada 1000 orang , hanya 500 sahaja yang berjaya belayar ke Sitiawan kerana

timbulnya kelewatan kapal sebanyak 3 kali. Akhirnya kapal tersebut iaitu Glenfalloch ( Hong Seng ) telah muncul pada Ogos 14 iaitu selewat 3 minggu. Oleh sebab ini, hanya sebanyak 484 orang sempat dikumpulkan daripada angka 1000 orang yang sepatutnya . Ini adalah kerana dengan kelewatan kapal tadi banyak yang telah balik ke rumah mereka dan tidak sempat dikumpulkan bila kapal tersebut muncul. Hanya 484 orang yang sempat dikumpulkan ini telah belayar dan pada hari ke 8 pelayaran, 5 orang telah meninggal dunia kerana ceret-beret.

Mereka mendarat di Singapura pada Ogos 22 dan telah dikumpulkan di Pulau St John kerana mereka telah dijangkiti penyakit ceret-beret. Mereka kemudian telah dilepaskan beransur-ansur secara berkumpulan. Pada Ogos 28 seramai 6 orang, Ogos 29 seramai 73 orang, September 3 seramai 196 orang, September 6 seramai 72 orang dan pada September 15 seramai 60 orang dilepaskan. Dalam 5 peringkat, hanya terdapat 407 orang sahaja dan dipercayai yang lain telah melarikan diri ke Singapura .

Jumlah ini semakin berkurangan bila didapati hanya 363 orang sahaja yang telah mendarat di Sitiawan dalam 2 kumpulan iaitu pada September 9 dan 17. Dipercayai 44 orang yang lain telah melarikan diri ke Singapura. Daripada angka 363 tadi ,telah didapati sebanyak 72 orang wanita dan 55 orang kanak-kanak. Mereka telah ditempatkan untuk sementara di 7 buah rumah panjang dan setiap orang telah diberikan

Pioneer Methodist Church. Pengkutuhan adalah Rev. Charlton R. Foss yang menjadi paderi di Taiping Wesley Methodist sebanyak \$6 sebulan sementara menunggu untuk mendapatkan tanah mereka yang belum dibahagikan lagi kepada 3 ekar tanah setiap satu seperti dalam perjanjian yang telah ditandatangani terdahulu.

Maka dengan bertapaknya peneroka Foochow dari Negeri China di Sitiawan, Perak, detik kemasukan Methodism ke Sitiawan telah bermula. Kebanyakan peneroka yang dibawa masuk adalah beragama Kristian kecuali segelintir kecil yang telah berpura-pura berlakon sebagai seorang yang beragama Kristian untuk dipilih bersama menyertai program penghijrahan ini.

Gereja yang pertama dibawah Rev. B.F. Van Dyke iaitu Residen Missionary pertama di Sitiawan, adalah merupakan sebuah pondok. Gereja pertama ini dihadiri oleh sebanyak 50 ahli (yang telah dibaptist) dan seramai 40 lebih "probationers" (yang sedang mengikuti kelas keahlian). Maka kawasan Sitiawan ini telah mengambil nama "Christian Colony" dan telah merupakan pusat pertama Methodist Episcopal Church. Gereja ini yang kemudiannya telah berubah imej telah diberi nama Pioneer Methodist Church dan masih berdiri megah di Kampung Koh hari ini.

### 3.2

#### Sejarah Permulaan Sitiawan Wesley Church

Perjumpaan pertama dalam bahasa Inggers telah diadakan pada Disember 7, 1941 pada pukul 5 petang di

Pioneer Methodist Church. Pengkhutbah adalah Rev. Charleton H. Foss yang menjadi paderi di Taiping Wesley Methodist Church (Nga, 1991). Tetapi terdahulu daripada ini mereka telah berkumpul dan berjumpa dibawah persatuan Choral Sitiawan yang telah ditaja oleh M. Dirksen sejak 1937. Mulai tahun 1940 pula, satu perjumpaan bulanan telah diadakan di Tamil Church, Simpang Empat secara tidak rasmi sehingga perjumpaan rasmi yang pertama pada Disember 7, 1941.

Pada malam Disember 7, 1941 Perang Dunia ke 2 telah meletus dan segala rancangan untuk meneruskan perjumpaan dalam bahasa Inggeris terpaksa ditunda (Nga, 1991). Selepas Perang Dunia ke 2, pada 22hb Mei 1949 " English Wesley Congregation" yang telah berjumpa di Pioneer Methodist Church telah ditubuhkan semula (Malaysia Message , 1950 , Julai : 15 ). Dalam perjumpaan ini, pengkhutbah jemputan adalah Rev. Abel Eklund iaitu District Superintendent yang sedang melawat Sitiawan. Daripada Julai, 1950 pula, perjumpaan adalah pada setiap minggu ke-2 dan ke-4 (Malaysia Message , 1953 , Julai: 15).

Pada 3hb Februari, 1952 Sitiawan Wesley Church ini diterima dan diisyiharkan sebagai sebuah gereja yang rasmi dibawah Akta Penubuhan Gereja-Gereja Methodist Malaysia dan Singapura ( masih bergabung ). Paderi yang pertama adalah Wong Hong Hee. Perjumpaan bulanan telah diadakan di Harcroff Estate sehingga pembinaan bangunan

gereja yang sedang dirancangkan (Malaysia Message 1953:38 ).

Rancangan untuk mendirikan sebuah gereja yang akan digunakan oleh 3 perhimpunan (congregation) iaitu Wesley, Hokkien dan Tamil telah dicadangkan pada tahun 1953. Ia telah dikendalikan oleh Rev. Eugene Mcgraw. Bangunan ini didirikan di atas tanah yang berjaya diperolehi oleh M.DirkSEN daripada kerajaan negeri untuk kegunaan tiga perhimpunan tadi. Bangunan ini berharga \$26,000 dan M.DirkSEN telah berjaya mengumpul sebanyak \$15,000 daripada Amerika. Bakinya pula telah dikumpulkan bersama antara tiga perhimpunan tadi di Sitiawan. Bangunan gereja ini telah dirasmikan pada 27hb Disember, 1953 oleh Bishop Raymond L. Archer ( Malaysia Message , 1954 , Februari : 3-4 ).

Sementara itu pada tahun 1955, telah didirikan tiga buah "parsonage" (tempat tinggal paderi) yang bernilai lebih kurang \$30,000 di dalam kawasan gereja tadi. Ia akan memberi tempat tinggal kepada tiga paderi yang bertugas di tiga perhimpunan yang menggunakan bangunan gereja ini iaitu Wesley, Hokkien dan Tamil. Sekali lagi projek ini dikendalikan oleh Rev. Eugene Mcgraw (Malaysia Message , 1955 , : 3-5).

Sitiawan Wesley Methodist ini telah bermula secara rasminya pada 3hb Februari, 1952 dan telah berterusan sehingga ke hari ini. Seramai 16 orang paderi telah bertugas disini bermula dengan Paderi Wong Hong Hee sehinggalah

paderi yang sedang bertugas sekarang iaitu Paderi Hwa Chien.

### 3.3 Struktur Perjalanan Organisasi Gereja Sitiawan Wesley.


Perjalanan struktur organisasi adalah diketuai oleh seorang Lay Leader dan dibantu oleh penolongnya. Tugasnya adalah untuk menolong paderi yang ditempatkan dalam gereja untuk menjalankan tugasnya dengan licin dan sempurna.


Struktur perjalanan organisasi ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu "Ex - Officio Stewards" yang memegang jawatan portfolio. Umur mereka mestilah melebihi 21 tahun dan tidak pula melebihi 70 tahun. (kecuali Presiden M.Y.F yang masih belum melebihi 21 tahun pada kebiasaannya)

Kumpulan kedua pula ialah "Elective Stewards" yang tidak memegang apa-apa jawatan portfolio tetapi menghadiri mesyuarat L.C.E.C (Local Church Executive Councill) untuk memberi pandangan serta pendapat mereka. Umur mereka juga sama dengan kumpulan pertama tadi iaitu tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak melebihi 70 tahun.

Sementara itu satu lagi kumpulan adalah "Honorary Stewards ". Kumpulan ini adalah mereka yang telah lama berkhidmat dalam L.C.E.C yang lepas. Umur mereka mesti melebihi 70 tahun. Mereka dipilih untuk dikurniakan gelaran

"Honorary Stewards" untuk menghargai perkhidmatan mereka dalam L.C.E.C yang lepas dan gelaran ini adalah kekal pada mereka sehingga mereka meninggal dunia. Kumpulan ini bebas memilih untuk menghadiri atau tidak sebarang mesyuarat L.C.E.C yang diadakan.





Lay Leader mengetuai struktur organisasi gereja. Ia dibantu oleh seorang penolong. Sementara itu seorang pengurus L.C.E.C akan dilantik untuk mengendalikan segala mesyuarat L.C.E.C. Di dalam L.C.E.C ini terdapat seorang Bendahari, seorang Setiausaha, dan ketua-ketua semua portfolio yang terdapat.

Ada sebuah jawatankuasa yang dipanggil P.P.R.C. iaitu "Pastor Parish Relation Committee". Ia bertanggungjawab mengeratkan perhubungan paderi dengan ahli-ahli gereja. Ia juga akan menasihatkan paderi tentang kegiatan-kegiatan yang ingin dijalankan oleh gereja ini.

Sementara itu terdapat satu lagi jawatankuasa iaitu jawatankuasa perlantikan. Ia adalah satu jawatankuasa yang akan mengesyorkan siapa yang akan memegang jawatan dalam struktur organisasi perjalanan gereja ini. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab memilih sebuah jawatankuasa untuk menjalankan struktur organisasi gereja ini.

### 3.4

#### Kerja-kerja Jawatankuasa

Sepintas lalu, tugas-tugas jawatankuasa ini akan dibincangkan. Ia adalah untuk menolong pemahaman tentang perjalanan struktur organisasi gereja Sitiawan Wesley yang mana hampir-hampir sama dengan struktur perjalanan gereja tempatan Methodist yang lain.

### 3.4.1 Lay Leader / Penolong

Mereka menolong paderi menjalankan tugas paderi dengan licin. Semasa ketiadaan paderi, mereka lah yang akan mengetuai gereja ini. Kuasa sepenuh gereja adalah pada Lay Leader ini. Mereka adalah dipilih daripada kalangan ahli gereja dan biasanya merupakan ketua ahli gereja ini.

### 3.4.2 L.C.E.C Chairman / Penolong

Pengerusi L.C.E.C adalah dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa. Beliau adalah orang yang bertanggungjawab melihat satu-satu mesyuarat itu berjalan dengan lancar serta teratur tanpa sebarang gangguan.

### 3.4.3 Setiausaha

Beliau adalah orang yang bertanggungjawab mencatitkan segala minit mesyuarat L.C.E.C. serta bertanggungjawab menyediakan agenda-agenda mesyuarat. Beliau juga merupakan orang yang akan menguruskan segala urusan persuratan hal-hal gereja yang rasmi.

### 3.4.4 Bendahari

Beliau bertanggungjawab menerima dan mencatitkan segala urusan kewangan gereja. Beliau hanya akan menerima wang, menyimpannya serta mengeluarkan wang untuk segala

perbelanjaan urusan gereja. Beliau tidak mempunyai sebarang kuasa kecuali tugasnya yang telah di nyatakan di atas kerana segala perbelanjaan mestilah diluluskan oleh sebuah jawatankuasa iaitu Stewardship dan Finance.

#### 3.4.5 Christian Education

Ia adalah sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab melihat yang pengajaran yang diberikan oleh gereja ini adalah sesuai untuk semua orang ahlinya. Ia juga akan melihat yang ajaran agama adalah tidak lari daripada kepercayaan Methodist. Ia juga akan melihat yang segala risalah serta juga material yang digunakan tidak serong daripada ajaran asal.

#### 3.4.6 Social Concern

Jawatankuasa ini adalah untuk memenuhi keperluan sosial anggota-anggota gereja. Ia juga akan bertanggungjawab menanam serta mempromosikan program-program serta pengajaran dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam kes-kes yang telah dirujukan kepadanya. Ia juga adalah bertanggungjawab untuk mengeratkan lagi perhubungan antara ahli-ahli gereja dengan komuniti Sitiawan. Pada asasnya, ia memperlihatkan prinsip-prinsip agama Kristian dalam kerja-kerja amal dan kebajikannya.

#### 3.4.7 Missions

Jawatankuasa ini menjalankan tugas dengan badan yang tertinggi persatuan gereja-gereja Methodist Malaysia. Ia bersama-sama menjalankan plan-plan dan program untuk "Missionary Education" serta memupuk pengetahuan untuk mengetuai kerja-kerja missi. Jawatankuasa ini juga akan menolong badan yang tertinggi dengan meluluskan bantuan kewangan serta mengadakan sessi-sessi berdoa untuk missi-misi agar berjaya dalam menjalankan tugas mereka untuk menyebarkan agama Kristian.

#### 3.4.8 Membership dan Evangelism

Jawatankuasa ini adalah untuk menyebarkan agama Kristian supaya lebih ramai akan tahu tentang ajaran Kristian. Kadangkala tindakan seperti minggu perinjilan diadakan untuk memberi pengetahuan kepada mereka yang masih belum mengenal pasti apakah dia agama Kristian ini. Ia juga akan bertindak mengenal pasti ahli-ahli yang tidak aktif lagi serta mereka yang jarang menghadiri aktiviti-aktiviti gereja dalam usaha mengalakkan mereka supaya giat semula dalam aktiviti-aktiviti gereja.

#### 3.4.9 Worship dan Music

Ia bertujuan untuk menentukan ada orang yang bertanggungjawab setiap minggu untuk mengetuai nyanyian,

terdapat pemain piano, penjemput tetamu serta menentukan struktur perjalanan perjumpaan. Jawatankuasa ini juga menentukan yang lagu serta muzik yang dimainkan adalah tidak bercanggah dengan prinsip gereja-gereja Methodist Malaysia.

#### 3.4.10 Stewardship dan Finance

Jawatankuasa ini berusaha memupuk satu jalinan persaudaraan yang baik antara semua ahli serta menjalankan lawatan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun ke semua rumah ahli gereja. Ia juga bertanggungjawab meluluskan urusan kewangan tahunan gereja. Ia menjaga supaya perbelanjaan diatur serta digunakan untuk kebaikan gereja dalam menjalankan tugasnya sebagai sebuah institusi agama.

#### 3.4.11 Pastor Parish Relation Committee

Bahagian ini menentukan supaya satu jalinan yang baik wujud diantara ahli gereja dengan paderi. Ia merupakan orang tengah antara ahli gereja dengan paderi. Ia akan menasihatkan paderi dalam mana-mana urusan yang berkaitan dengan ahli-ahli gereja. Ia juga adalah merupakan orang tengah antara ahli-ahli gereja yang mempunyai sebarang masalah dengan paderi tetapi segan untuk mengemukannya kepada paderi secara bersemuka.

#### 3.4.12 Sunday School Superintendent

Beliau adalah orang yang bertanggungjawab dalam

menentukan perjalanan Sunday School (untuk mereka yang berumur kurang daripada 13 tahun dalam pengajaran agama Kristian) diadakan secara licin dan teratur. Dia juga bertanggungjawab menyediakan bahan pengajaran serta mengaturkan guru-guru daripada ahli-ahli gereja untuk mengajar dalam pengajaran Al-kitab.

### 3.5 Perkembangan Gereja

Perkembangan gereja Wesley Sitiawan dari tahun 1976 sehingga ke 1991 iaitu untuk satu jangka masa lebih kurang 15 tahun akan ditinjau secara sepintas lalu. Perubahan-perubahan dalam keahlian dan serba sedikit tentang perubahan fizikal gereja akan disentuh. Perbincangan akan dipecahkan kepada 3 bahagian mengikut pembahagian masa 5 tahun setiap bahagian.

#### 3.5.1 Tahap 1976-1980

Tempoh ini melihatkan paderi yang sedang bertugas ialah Rev. John C.S. Ling telah ditukarkan pada 1976. Dengan pertukaran Rev. John, Sitiawan Wesley Methodist ini telah mengalami satu jangkamasa tanpa seorang paderi sehingga tahun 1979. Pada tahun tersebut seorang penuntut tahun ke-3 Trinity College, Singapura telah dihantar ke sini dalam latihannya sebagai seorang penuntut untuk menjadi seorang paderi. Dalam tempoh 1977-1978 yang telah melihatkan ketiadaan seorang paderi, Lay Leader telah mengambil alih

menjalankan segala urusan perjalanan gereja. Sementara itu perjamuan suci atau "Holy Communion" telah dijalankan oleh District Superintendent kerana mengikut tradisi gereja-gereja Methodist, hanya seorang paderi sahaja yang boleh menjalankan upacara "Holy Communion" ini. Tempoh latihan penuntut tersebut iaitu Victor Leong telah tamat pada 1980. Maka sekali lagi dari tempoh bulan Julai 1980 sehingga bulan Disember 1980, gereja ini ketiadaan seorang paderi.

Keahlian telah didapati tidak meningkat dan adalah lebih kurang sama sahaja dalam tempoh 5 tahun ini. Keahlian yang telah dicatatkan adalah seperti berikut:

1976 - 90

1977 - 88

1978 - 92

1979 - 85

1980 - 93

### 3.5.2 Tahap 1981-1985

Pada tempoh ini nampaknya keahlian gereja telah meningkat dengan begitu pantas sekali. Catitannya adalah seperti berikut:

1981 - 111

1982 - 121

1983 - 136

1984 - 199

1985 - 217

Tahap kedua ini telah memperlihatkan pertambahan dalam keahliannya. Peningkatan yang paling drastik adalah diantara tahun 1983 dengan tahun 1984 iaitu peningkatan sebanyak 63 orang atau penambahan sebanyak 46.32 %. Ini adalah kerana pembukaan satu markas Tentera Laut DiRaja di Teluk Muroh yang hanya terletak lebih kurang 7 batu daripada Sitiawan. Para personel yang beragama Kristian yang ditugaskan di sana telah menyertai perjumpaan mingguan di gereja ini.

Tahap ini juga telah melihatkan gereja Wesley Methodist di Simpang Empat ini tidak lagi muat untuk ahli-ahlinya yang pesat bertambah lalu keputusan telah diambil untuk memindahkan tempat perjumpaan mingguan ke dewan sekolah Methodist High School di Kampung Koh iaitu lebih kurang 2 batu daripada Simpang Empat tadi. Perjumpaan pertama telah dijalankan di dewan sekolah tersebut pada bulan Julai, 1985.

Paderi yang bertugas selepas Victor Leong yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 1980, adalah Rev. Wong Ong Thau. Tetapi tempoh jawatannya hanya dari tahun 1981-1982. Selepas beliau seorang lagi paderi telah ditempatkan di sini iaitu Paderi Daniel Lim yang baru sahaja tamat pengajiannya di S.T.M ( Seminari Teologi Malaysia ) pada 1983.

## 3.5.3

Tahap 1986-1991

Tahap ini juga telah memperlihatkan perkembangan serta penurunan dalam keahliannya. Catatan keahliannya adalah seperti berikut:

1986 - 252

1987 - 265

1988 - 269

1989 - 249

1990 - 242

1991 - 239

Peningkatan sebanyak 35 orang ahli telah berlaku dari tahun 1985 dengan tahun 1986 ini. Ia telah bertambah sebanyak 16.1 %. Pertambahan keahliannya terus berlaku tetapi dengan kadar yang lebih perlakan jika berbanding dengan 2 peningkatan yang drastik iaitu peningkatan dari tahun 1983-1984 dan peningkatan dari tahun 1985-1986. Akan tetapi telah didapati angkanya telah menurun mulai tahun 1988. Ini berlaku kerana usaha untuk menempatkan keahlian mereka yang telah berhijrah keluar dari Sitiawan ke gereja di tempat mereka berada sekarang.

Paderi Daniel Lim yang telah mula berkhidmat pada tahun 1983 telah dilanjutkan perkhidmatannya hingga ke tahun 1987. Lalu pada tahun 1987 telah melihatkan seorang lagi paderi ditugaskan di gereja Sitiawan Wesley ini iaitu paderi yang ke 16 sejak sejarah permulaan gereja ini. Paderi tersebut ialah Rev. Hwa Chien yang masih lagi bertugas di

gereja ini.

Tahap ini telah melihatkan pembelian beberapa alat muzik yang baru serta juga sebuah set gendang yang telah didermakan untuk memeriahkan serta merancakkan sesi nyanyian. Sebuah komputer untuk mempermudahkan perjalanan urusan pejabat telah didermakan pada gereja ini. Ia telah mempermudahkan lagi penyimpanan rekod-rekod gereja serta untuk kerja menaip dan mencetak segala urusan.

Tahap ini juga telah melihatkan gereja ini mempunyai sebuah pejabat yang tetap bertempat di Methodist High School. Seorang kerani juga telah digaji untuk mengendalikan segala urusan pejabat untuk memberi lebih masa pada paderi untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang paderi (sebelum ini segala urusan pejabat juga telah dikendalikan oleh paderi sendiri). Satu rancangan untuk mendirikan sebuah gereja baru telah diluluskan di atas sebuah tanah kepunyaan persatuan gereja-gereja Methodist oleh kerajaan negeri. Gereja baru ini boleh memuatkan sebanyak 800 orang dan dianggarkan bernilai lebih kurang \$500,000.

Se aduan pernyataan hari mingguan untuk pertama Kristian, Perjelasan ini adalah pada petang 8.00 pagi dan berterusan sehingga 11.30 jam. Dalam masa ini nyanyian semuji yang akan dijalankan. Macudian, diikuti oleh sambutan. Pada hari Ahad iaialah para pengikut Kristen yang pergi ke gereja untuk menjalankan ketaatan.

### Aktiviti-aktiviti Gereja Sitiawan Wesley.

#### 4.1 Aktiviti-aktiviti mingguan yang dijalankan oleh gereja

Banyak aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan dijalankan. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini dijalankan sama ada mengikut pembahagian umur ataupun kadang-kala mengikut jantina. Aktiviti-aktiviti yang akan dibincangkan adalah aktiviti-aktiviti mingguan iaitu yang dijalankan sekali dalam seminggu.

##### 4.1.1 Morning Watch

Ia adalah satu perjumpaan untuk berdoa yang dijalankan pada pukul 7.00 pagi setiap hari Ahad sebelum perjumpaan kebaktian hari Ahad. Biasanya mereka yang bangun awal sahaja yang akan menyertai Morning Watch ini.

##### 4.1.2 Kebaktian Hari Ahad

Ia adalah perjumpaan hari mingguan untuk penganut Kristian. Perjumpaan ini adalah pada pukul 8.00 pagi dan berterusan sehingga 1 1/2 jam. Dalam masa ini nyanyian memuji Tuhan akan dijalankan. Kemudian, diikuti oleh satu khutbah. Pada hari Ahad inilah semua penganut Kristian pergi ke gereja untuk menjalankan kebaktian.

#### 4.1.3 Sunday School

Perjumpaan ini adalah terhad kepada mereka yang berumur kurang daripada 13 tahun. Tujuan ia dijalankan adalah untuk memberi ajaran-ajaran Al-kitab dalam bentuk yang senang seperti dalam cerita-cerita dan aktiviti lain. Mereka yang menghadirinya akan dibahagikan mengikut peringkat umur untuk memudahkan pengajaran asas Alkitab. Ia adalah dijalankan pada setiap hari Ahad pada pukul 10.00 pagi.

#### 4.1.4 Baptism dan Membership Class

Kelas ini akan dijalankan pada pukul 10.15 pagi setiap hari Ahad. Kelas ini adalah untuk menyediakan anggota gereja ini untuk menjadi ahli serta juga untuk baptism mengikut peraturan Persatuan Gereja-gereja Methodist Malaysia. Ia adalah untuk memberi pengetahuan tentang apa yang dipercayai, asal-usul Methodism serta juga untuk memastikan yang mereka ini benar-benar faham tentang kepercayaan Kristian yang asas. Selain daripada itu, ia adalah juga bertujuan menjawab sebarang persoalan yang mungkin timbul di kalangan anggota kelas ini yang sedang disediakan untuk menjadi ahli serta juga untuk dibaptis.

#### 4.1.5 Women's Prayer Fellowship (Perjumpaan Doa Wanita)

Ia hanya terbuka kepada golongan perempuan sahaja.

Pada masa perjumpaan ini, mereka akan berdoa untuk gereja serta anggotanya yang mempunyai sebarang permintaan untuk didoakan dan sebarang masalah di kalangan perempuan ini akan diperbincangkan serta diselesaikan jika boleh, melalui perjumpaan ini. Biasanya mereka akan dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang, pada kebiasaannya 5-10 orang ahli. Ia akan diadakan pada salah sebuah rumah ahli kumpulan tersebut dan masa serta hari perjumpaan persaudaraan ini akan ditentukan oleh anggota-anggota kumpulan ini sendiri. Mereka akan datang berhimpun untuk persaudaraan dan kemudian untuk satu masa berdoa. Ia dijalankan setiap minggu.

#### 4.1.6 Prayer Meeting (Perjumpaan Berdoa)

Perjumpaan doa ini diadakan pada hari Rabu setiap minggu. Ia adalah terbuka kepada semua yang ingin hadir. Ia juga adalah satu masa yang ditetapkan untuk berkumpul untuk persaudaraan dan juga satu masa datang bersama untuk berdoa mengenai permintaan atau masalah-masalah yang timbul samada di gereja atau dikalangan anggota-anggota gereja.

#### 4.1.7 Care Group Meeting (Perhimpunan Kumpulan Sel)

Perhimpunan kumpulan sel bertujuan mempelajari serta mengkaji Alkitab untuk menambahkan pengetahuan tentang kepercayaan Kristian. Selepas masa mengkaji Alkitab, ahli-ahlinya akan menghabiskan masa untuk

persaudaraan serta sedikit jamuan. Anggota-anggota gereja adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam kegiatan perjumpaan sel ini.

Anggota-anggota yang terlibat akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang kecil untuk bertemu. Pada masa ini terdapat 8 kumpulan yang mana setiap kumpulan mempunyai 15-20 ahli. Perjumpaan biasanya adalah pada hari Jumaat, jam 8 malam dan akan dijalankan di rumah salah seorang daripada ahli kumpulan.

#### 4.1.8 Persaudaraan Belia Methodist (Methodist Youth Fellowship. " M.Y.F")

Ia adalah satu perjumpaan untuk mereka yang sudah berumur 16 ke atas hingga 25 tahun. Perjumpaan adalah pada jam 3.45 petang pada setiap hari Jumaat. Ia adalah satu perjumpaan untuk memberi pengajian Alkitab setaraf dengan umur belia serta mendalami pengetahuan Alkitab mereka. Ia juga bertujuan untuk menyebarkan agama Kristian kepada para remaja.

Persaudaraan Belia Methodist ini juga mempunyai perjumpaan selnya sendiri. Perjumpaan adalah pada jam 4 petang hari Sabtu. Ia adalah satu masa perjumpaan persaudaraan mengkaji Al-kitab yang dibahagikan ke dalam kumpulan-kumpulan kecil untuk memudahkan lagi perbincangan-perbincangan dijalankan. Biasanya ia mengambil masa lebih kurang 1 hingga 1 1/2 jam . Kemudian akan disusuli oleh

satu masa persaudaraan menjalankan aktiviti senaman.

#### 4.1.9 Intermediate Methodist Youth Fellowship (I.M.Y.F)

Anggota-anggota perjumpaan IMYF ini biasanya berada dalam lingkungan 11 tahun hingga 15 tahun iaitu umur maksima sebab selepas tamat Tingkatan 3 mereka akan menganggotai perjumpaan M.Y.F. Ia adalah satu perjumpaan untuk memberi pengajaran Al-kitab yang asas serta lebih mendalam mengikut mentaliti umur mereka. Ia juga adalah bertujuan untuk menyebarluaskan kepercayaan Kristian ini dikalangan remaja muda.

Perjumpaan adalah diadakan pada hari Sabtu, jam 3.00 petang. Semasa perjumpaan I.M.Y.F ini, satu masa nyanyian untuk memuji Tuhan akan dijalankan dan diikuti oleh satu masa memberi khutbah. Sejurus selepas perjumpaan ini akan terus disusuli oleh satu masa persaudaraan yang biasanya dalam bentuk senaman untuk mengeratkan lagi perhubungan anggota-anggota I.M.Y.F ini.

#### 4.2 Aktiviti-aktiviti bulanan.

Satu perjumpaan dalam Bahasa Malaysia akan diadakan. Perjumpaan ini baru sahaja dilaksanakan pada bulan Jun tahun ini. Ia diadakan sekali dalam sebulan iaitu pada minggu terakhir setiap bulan. Perjumpaan ini akan dikendalikan dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah untuk

menyebarluaskan agama Kristian ini kepada mereka yang tidak biasa dengan Bahasa Inggeris tetapi biasa dengan penggunaan Bahasa Malaysia. Jika didapati yang perjumpaan dalam Bahasa Malaysia ini mendapat sambutan yang baik, maka akan dipertambahkan lagi bilangan perjumpaan. Ia diadakan di bangunan gereja Sitiawan Wesley Di Simpang Empat iaitu tempat perjumpaan lama aliran Bahasa Inggeris tadi.

#### 4.3 Aktiviti-aktiviti tahunan

Perkhemahan tahunan akan dijalankan diluar Sitiawan dan pada kebiasaannya seorang pengkhutbah jemputan akan dijemput. Ia juga adalah satu masa untuk berseronok dan berkumpul untuk satu masa persaudaraan sebagai satu keluarga yang besar disamping belajar.

##### 4.3.1 Perkhemahan Tahunan Gereja

Ia adalah terbuka kepada semua ahli anggota gereja Wesley ini. Ia juga terbuka pada jemputan luar oleh para anggota gereja. Biasanya perkhemahan tahunan ini adalah untuk selama 4 hari dan 3 malam. Ia biasanya disertai oleh seramai 25-40 anggota kerana masalah cuti dan sebagainya .

##### 4.3.2 Perkhemahan Tahunan M.Y.F

Ia diadakan pada akhir hujung tahun iaitu selepas peperiksaan S.P.M dan S.T.P.M. Ia adalah kerana kebanyakan anggota akan menduduki peperiksaan tersebut serta juga masa

ini adalah cuti sekolah. Ia adalah terbuka kepada semua ahli M.Y.F dan bilangan ahli yang menganggotai biasanya adalah 100 atau lebih. Kadangkala ia akan dibuka pada para jemputan ahli dan keputusan ini adalah terpulang pada ahli jawatan-kuasa perkhemahan tahunan tersebut. Ia akan dijalankan di luar Sitiawan dan akan dijalankan selama 6 hari dan 5 malam. Tujuannya adalah untuk mengeratkan lagi persaudaraan para anggotanya disamping mempelajari lebih mengenai agama Kristian.

#### 4.3.3 Perkhemahan Tahunan I.M.Y.F

Ia akan dijalankan disekitar kawasan Sitiawan ini sahaja kerana umur pesertanya masih muda lagi. Ia akan dijalankan selepas peperiksaan akhir tahunan sekolah serta selepas peperiksaan S.R.P. Ia akan dijalankan selama 4 hari dan 3 malam dan seorang pengkhutbah akan dijemput untuk memberi khutbah. Ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi persaudaraan pada anggotanya disamping mempelajari tentang pengetahuan agama Kristian ini.

#### 4.4 Perayaan-perayaan yang disambut

Gereja Wesley Sitiawan ini hanya memberi perhatian kepada 2 perayaan yang mempunyai makna yang besar dikalangan penganut agama Kristian mahzab Methodist diantara perayaan-perayaan yang terdapat. Ia adalah disambut oleh

semua penganut Kristian diseluruh dunia pada hari yang sama ini.

#### 4.4.1 Easter Day

Para penganut Kristian akan merayakan hari Easter untuk memperingati hari kebangkitan Yesus Kristus pada hari ketiga selepas disalibkan mengikut ajaran Alkitab. Para Kristian mempercayai pada hari ini Yesus bangkit semula 3 hari selepas disalibkan. Biasanya ia akan disambut pada hari Ahad minggu terakhir bulan Mac atau Ahad pertama bulan April.

#### 4.4.2 Hari Krismas

Pada 25hb Disember setiap tahun semua penganut Kristian di seluruh dunia akan menyambut hari kelahiran Yesus Kristus yang dipercayai sebagai penyelamat semua umat dalam dunia ini mengikut kepercayaan ajaran Kristian yang berdasarkan pada Alkitab. Akan tetapi pada hari ini ia telah dikomercialkan untuk melariskan perniagaan pada musim perayaan Hari Krimas ini. Walau bagaimanapun ia tetap mempunyai makna yang besar dalam kepercayaan semua pengikut Kristian pada hari ini.

Biasanya pada malam 22hb, 23hb, dan 24hb Disember satu kumpulan "carolling" akan diadakan oleh anggota M.Y.F. untuk menyebarkan berita baik ini kepada orang ramai. Ia adalah satu kumpulan nyanyian yang akan pergi menyanyi ke

rumah anggota gereja yang akan menyambut hari Krismas ini serta juga menjemput kawan-kawan mereka untuk mendengar khabar kelahiran Yesus Kristus 2000 tahun dahulu.

Satu perjumpaan kebaktian akan diadakan pada hari 25hb. Disember ini. Biasanya selepas perjumpaan, sarapan enak akan disediakan dan masa untuk persaudaraan akan dijalankan untuk menyambut hari kelahiran Yesus Kristus ke dunia ini lebih kurang 2000 tahun dahulu.

#### 4.5 Peranan Gereja

Peranan utama gereja adalah untuk memberi pengajaran kepada anggotanya tentang ajaran Alkitab. Ia juga bertanggungjawab untuk "spiritual development" anggota-anggota gereja. Pada amnya ia mempunyai empat objektif :-

- 1) Untuk memperolehi satu pertalian yang erat dengan Yesus Kristus sebagai Tuhan dan Penyelamat.
- 2) Untuk menanam di dalam jiwa anggota gereja mengenai cara hidup sebagai seorang Kristian.
- 3) Membawa pengajaran tentang Alkitab.
- 4) Sebagai pusat melatih para penganut Kristian tentang ajaran Yesus Kristus dan menghantar mereka untuk menyebarkan agama Kristian.

Gereja juga bertindak sebagai satu pusat di mana paderi akan cuba memberi pengajaran serta sebagai pusat latihan untuk menyebarkan kepercayaan Kristian kepada orang ramai. Ia juga sebagai satu pusat kaunseling dimana paderi serta "elders" yang lain akan cuba menyelesaikan masalah-masalah anggota-anggotanya dalam apa-apa akspek kehidupan seharian. Kaunseling perkawinan juga akan diberi oleh paderi pada para anggota gereja yang akan berkhawin untuk memulakan satu keluarga mengikut ajaran Alkitab.

Gereja juga akan cuba menyelesaikan masalah kebijakan anggotanya. Aktiviti gereja juga akan melihatkan sedikit kerja kebijakan seperti melawat ke Rumah Orang-orang Cacat, lawatan ke rumah orang-orang tua dan aktiviti-aktiviti lain dalam usaha menunjukkan kehidupan sebagai seorang penganut Kristian dalam usaha menyebarkan ajaran Yesus Kristus.

Pada keseluruhannya peranan gereja adalah untuk memastikan ajaran Alkitab disampaikan pada semua anggota dalam usaha memberi pengetahuan serta menjalin satu perhubungan yang erat antara anggotanya dengan Yesus Kristus dengan memahami tentang ajaran Alkitab dan menjalankan kehidupan sebagai seorang Kristian.

## Bab 5

### Pengerakan Karismatik (Charismatic Movement)

#### 5.1 Pengertian Pengerakan Karismatik.

Perkataan "Pengerakan Karismatik" ini sangat sukar untuk didefinisikan dengan tepat. Ini adalah kerana pengertian istilah ini adalah berbeda dari sebuah gereja dengan sebuah gereja yang lain mengikut pengertian para pemimpin gereja tersebut. Kesukaran mendapat satu definisi juga adalah disebabkan oleh mahzab-mahzab berlainan gereja-gereja tersebut.

Istilah "karismatik" ini jika diteliti dari sudut ajaran Alkitab membawa satu maksud yang tersendiri. Perkataan "karismatik" ini datang dari satu perkataan Greek iaitu "charisma" yang membawa maksud kurnia Tuhan (spiritual gifts).

Pengerakan karismatik ini telah bermula apabila para anggota dari gereja-gereja aliran Protestant dan Roman Catholics yang mempunyai pengalaman kurniaan Tuhan (spiritual gifts) datang bersama berkongsi pengalaman mereka tetapi tidak pula meninggalkan gereja lama mereka.

Walau bagaimanapun dalam satu lagi taksiran, istilah pengerakan karismatik membawa satu pengertian yang berlainan. Ia telah dilihat sebagai satu gerakan yang telah

bermula pada tahun 1960an dalam mahzab utama dalam aliran Protestant dan Roman Catholics. Ia adalah satu penggerakan yang telah menekankan kepentingan kurnia Tuhan (spiritual gifts) dalam perjalanan sehari-hari gereja dan untuk membantu orang lain.

Dom Helder Camara dalam tulisan bukunya "Charismatic Renewal and Social Action" menekankan bahawa penggerakan karismatik adalah untuk mengingati para penganut Kristian tentang kewujudan Roh Suci (Holy Spirit) serta tindakannya yang membawa kebaikan.

#### 5.2 Penggerakan karismatik dari sudut pandangan aliran mahzab Methodist.

Istilah penggerakan karismatik ini telah banyak membawa kekeliruan kepada para penganut mahzab Methodist. Ada diantara gereja-gereja aliran Methodist yang menyerap penggerakan karismatik sementara sebahagian lagi tidak menerima penggerakan karismatik. Pendirian Methodist pada masa ini menekankan kepada para anggotanya untuk mengwujudkan satu suasana saling menghormati pendirian tersebut, walaupun mereka mungkin tidak 100% setuju dengan penggerakan Karismatik. Ini adalah kerana kita harus memberi penekanan kepada ajaran Alkitab dan bukan mengikut perasaan kita bila berada dalam isu seperti ini.

Pendirian ini telah dicapai oleh badan tertinggi gereja-gereja Methodist terhadap isu penggerakan Karismatik

ini. Persetujuan mengenai pendirian tersebut adalah mengikut pepatah lama iaitu : " In essentials, unity ; in non essentials, liberty; and, in all things, charity."

Ini membawa maksud yang apabila berada dalam satu-satu hal yang penting, kita mesti bersatu dan bila kita berada dalam satu-satu isu yang tidak begitu penting, kita mesti bersikap terbuka terhadap isu tersebut. Para anggota gereja-gereja Methodist telah disarankan untuk mempunyai satu pemikiran serta hati yang terbuka terhadap isu ini.

Para penganut gereja aliran Methodist telah diseru untuk menerima para anggota lain yang mempunyai pengalaman Karismatik ini jika ia tidak bercanggah dengan pengajaran Al-kitab. Mereka telah dinasihati supaya jangan mengintepretasikan kurnia Tuhan ini sebagai tanda yang mereka ini lebih beriman daripada orang lain. Mereka seharusnya melihat pengalaman itu sebagai tanda yang mereka ini sedang maju setapak lagi dalam iman mereka dalam Tuhan.

"United Methodist charismatic and non charismatic alike should be encouraged." Ini adalah saranan yang telah dikeluarkan dalam satu artikel panduan untuk gereja-gereja Methodist mengenai isu penggerakan Karismatik ini. Jika ia tidak bercanggahan dengan ajaran Alkitab, maka isu ini boleh diterima sebab kurniaan Tuhan adalah untuk semua penganutnya mengikut ajaran Alkitab.

Ini adalah mengikut Perjanjian Baru (New

menyekannya sebab ia tidak bercanggah dengan ajaran Testament), yang mengatakan seluruh gereja itu adalah satu komuniti Karismatik sebab setiap satu anggota akan mempunyai kurniaan Tuhan (spiritual gifts) dan bertanggungjawab untuk mempamerkan kurniaan tersebut dalam kehidupan sehariannya untuk kebaikan gereja. (Arnold , 1981 : 119)

Banyak individu-individu aliran gereja Methodist sudah banyak menekankan ke atas "Charismatic Renewal" ini tetapi ia masih belum lagi kukuh bertapak dalam banyak gereja-gereja Methodist. Ini mungkin kerana masih banyak anggota-anggota gereja Methodist yang berpegang kuat kepada tradisi-tradisi lama Methodist.(Caleb , 1987 : 13)

### 5.3 Kedudukan penggerakan Karismatik dalam gereja Sitiawan Wesley.

Gereja Sitiawan Wesley Methodist masih lagi berpegang kuat kepada pegangan tradisi aliran Methodist. Walau bagaimanapun ia adalah terbuka kepada sebarang perubahan yang tidak bercanggah dengan ajaran Alkitab. Gereja ini bukanlah satu gereja yang mengamalkan "charismatic worship" tetapi unsur-unsur ini telah dapat dikesani dalam masa sessi nyanyian memuji Tuhan.

Unsur-unsur seperti bertepuk tangan, mengangkat tangan memuji Tuhan dan muzik diikuti oleh gitar dan set gendang telah mula dipraktikkan. Para anggota yang berpegang kuat kepada tradisi Methodist ini tidak membantah maupun

menyokongnya sebab ia tidak bercanggahan dengan ajaran Alkitab. Mereka telah dengan hati yang terbuka bersikap tolak ansur dalam hal ini.

Sementara itu para pemuda-pemudi pula tidak dibimbing ke arah mempratikkan unsur penggerakan Karismatik ini. Ajaran telah diberi kepada mereka supaya bersikap lebih objektif dan bersikap moderate dalam hal ini.

Gereja Sitiawan Wesley Methodist sederhana adalah bersikap terbuka terhadap isu ini. Ini boleh dikesani dalam beberapa kes dimana pengkhutbah jemputan daripada gereja Charismatic telah diundang untuk memberi seminar dan juga untuk memberi khutbah.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini adalah bahawa Sitiawan Wesley adalah bersikap terbuka dalam isu ini. Segala tindakan mereka akan dipastikan tidak bercanggahan dengan ajaran Alkitab dan juga tradisi aliran Methodist sebelum menerima satu-satu unsur supaya isu tersebut tidak akan menimbulkan sebarang masalah kekeliruan di kalangan ahli-ahlinya.

Pengaruh penggerakan Karismatik juga telah disimpulkan dalam satu kesimpulan yang sangat supaya

Bab 6

Kesimpulan.

Kedudukan pengarakan Karismatik ini dalam gereja Sitiawan Wesley Methodist juga telah diperlinakan. Isteriahnya,

Kajian ini telah memperlihatkan permulaan penghijrahan orang-orang Foochow dari negeri China ke bandar Sitiawan. Ia juga telah memberi sedikit pengetahuan tentang bagaimana bandar Sitiawan bermula sebagai sebuah pentempatan peneroka baru dari Negeri China. Kawasan Sitiawan telah pun dinaikkan statusnya kepada sebuah bandar sekarang dan sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun gereja pertama di Sitiawan iaitu Pioneer Methodist Church masih lagi berdiri megah hari ini di Kampung Koh.

Kajian ini juga telah menonjolkan kepada orang ramai tentang permulaan mahzab Methodist ke Malaysia. Sejarah penubuhan gereja-gereja Methodist juga telah disertakan dari tahap permulaannya sehingga ke sekarang.

Penonjolan gereja Sitiawan Wesley Methodist ini juga telah ditimbulkan. Tahap pembangunan gereja ini juga telah disertakan dengan ringkas. Gereja ini telah maju setapak lagi dengan rancangan mereka untuk mendirikan sebuah gereja baru yang boleh memuatkan sehingga sebanyak 800 orang ahli. Aktiviti-aktiviti gereja ini juga telah dipaparkan dalam kajian ini.

Pengertian pengarakan Karismatik juga telah disimpulkan dalam satu kesimpulan yang senang supaya

pengertiannya dapat dilihat oleh orang ramai yang mempunyai masalah untuk mendapatkan satu pengertian yang tepat. Kedudukan pengerakan Karismatik ini dalam gereja Sitiawan Wesley Methodist juga telah diperlihatkan. Lumrahnya, ahli-ahlinya mempunyai satu pemikiran yang terbuka terhadap isu ini jika ia tidak bercanggah dengan ajaran Alkitab.

Akhir kata diharapkan kajian ini telah memberi sedikit sebanyak gambaran tentang gereja Methodist dan kemasukan orang Foochow serta penyebaran agama Kristian mahzab Methodism di Sitiawan. Begitu juga diharapkan pengkaji telah memberi sedikit sebanyak gambaran tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh gereja Sitiawan Wesley ini dalam memainkan peranannya sebagai sebuah institusi agama. Pengerakan Karismatik dari sudut pandangan Methodist serta pendirian gereja Sitiawan Wesley Methodist terhadapnya juga telah disertakan dalam kajian ini.

## Bibliografi

- Bailey, K. D. (1982). Methods of Social Research. New York: The Free Press.
- Barclay, W. C. (1957). The Methodist Episcopal Church 1845 -1939. New York: The Board of Missions of the Methodist Church.
- Bittlinger, A (1981). The World is Charismatic. Genoa: World Council of Churches.
- Book of Discipline of the Methodist Church in Malaysia (1984). D. R. Daniel (Ed.) Kuala Lumpur: Sun U Book Co.
- Caleb Santhosam (1987). "A Response to the Charismatic Renewal in the Evangelical Lutheran Church in Malaysia and Singapore," Tesis Sarjana di Seminari Teologi Malaysia.
- Camara, D. H. & Suenens L-J. (1980). Charismatic Renewal and Social Action: "A Dialogue". London: Darton Longman and Todd.
- Copplestone, J. T. (1973). Twentieth Century Perspectives: "The Methodist Episcopal Church, 1896 - 1939." New York: The United Methodist Church.
- Dodsworth, M "District Superintendent Report." Malaya Annual Conference. 1(1952):37-39.
- Doraisamy, T. R. (1982). The March of Methodism: "In Singapore and Malaya 1885 - 1980." Singapore: MBR.
- Doraisamy, T. R. (1983). What God Hath Wrought: "Motives of Mission in Methodism from Wesley to Thoburn." Singapore: MBR.

Doraisamy, T. R. (1985). Forever Beginning.  
Singapore: The Methodist Church in Singapore.

"Eighty Years in Brief. Malayan Annual Conference.  
12 (1965): 183-185.

Gong Wei Ai (1977). "Sejarah Perpindahan Orang  
Foochow ke Sitiawan, Perak," Papers on  
Chinese Studies, vol. 1 : 111 - 118, Department of  
Chinese Studies, University Malaya.

"Guidelines the United Methodist Church and the  
Charismatic Movement." 1976. Nashville: Disciple-  
ship Resources.

Hamilton, M. P. (1975). The Charismatic Movement.  
Grand Rapids: William B. Eerdmans Publishing Co.

Ho Seng Ong (1964). Methodist School in Malaysia.  
Petaling Jaya: Methodist Education Centre.

Koh Eng Bing (1989). "Sejarah Buruh - Buruh Keturunan  
Cina Sitiawan di Singapura." Tesis Sarjana di  
Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya.

Lim, Daniel. "A personal letter." 5th November, 1985.

Lin Wen Tsung. "The First Decade of New Colony in  
Sarawak." Methodist Message. 5(1968):6-7.

Loh, Andrew (1991). Treasures of Darkness.  
Kuala Lumpur: Percetakan Yinfay Litho.

Luering, H.L.E "Sitiawan" Malaysia Conference  
12(1904):32-33.

Lundy, R. F. "An Analysis of Methodist Work in  
Malaysia and Singapore." Methodist Message.  
8(1968):8 - 9.

McGraw, E.O. "A personal letter." 13th December, 1967.

Means, N. T. (1935). Malaysia Mosaic: "A Story of 50 Years of Methodism." Singapore: The Methodist Book Room.

"Methodist Church and the Charismatic Movement." TRAC 1985:132-141.

"Methodist Work in Malaysia and Singapore in Brief." Malaysia Message. 8 (1968): 7.

"New Church at Simpang Empat Sitiawan." Methodist Message. 3 (1953):38.

Nga, T.C "Personal Letter." 28th August, 1991.

"Old Boys: A Glimpse of Pioneer Life." The Loyal Pioneer. 1931:46-48.

Roxborogh, W. J. (1986). A Short Introduction to Malaysian Church History. Kuala Lumpur: Seminari Teologi Malaysia.

Roxborogh, W. J. (1990). A Bibliography of Christianity in Malaysia. Kuala Lumpur: Seminari Teologi Malaysia.

Scott, J. E. (1906). History of Fifty Years. Madras: M.E Press.

Tay, Moses. "Young Pastor Works Himself Sick" Methodist Message. 11(1953):15.

Theodore Runyan. "District Superintendent Report." Malaya Annual Conference. 1(1955):46-48.

Thoburn, J. M. (1893). India and Malaysia. New York: Hunt and Eaton.

Wingeier, Douglas. "What are the basic of Methodist Doctrines?" Methodist Message. 9(68):24-25.

Wong Hong Hee. "District Superintendent Report."  
Malaya Annual Conference. 12(1966):61-62.

University of Malaya

Lampiran :

Gambar.



LECTION

Rev. dan Puan Oldham (Paderi pertama Gereja Methodist di Malaysia.)




ON

James M. Thoburn (Orang yang bertanggungjawab membawa agama Kristian Manzao Methodist ke Malaysia.)




Gereja pertama Methodist di Malaysia.




Keadaan dalam gereja pertama Methodist  
di Malaysia.



Gereja pertama di Sitiawan (Pioneer Methodist Church sekarang.)



Gereja Sitiawan Wesley Methodist.



Tempat perjumpaan Sitiawan Wesley Methodist  
buat sementara menanti gereja baru siap  
dibina.



Kawasan dimana gereja baru Sitiawan Wesley  
Methodist akan dibina.